

SINOPSIS

Perbincangan penulis mengenai tajuk disertasi ini “**Kegiatan Dakwah Tarīqah Ahmadīyyah Di Negeri Sembilan**” pada asasnya tertumpu kepada kegiatan-kegiatan dakwah tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan dalam bidang amalan-amalan Islam, pendidikan, sosio ekonomi, ‘aqīdah dan syarī’at serta isu-isu dan masalah yang wujud sepanjang kemunculannya.

Perbincangan dalam Bab Pertama di mulakan dengan perkembangan tarīqah-tarīqah sufiyyah di Asia Tenggara secara ringkas. Ini diikuti dengan kemunculan tarīqah Ahmadīyyah di Malaysia serta tokoh-tokohnya. Perbincangan seterusnya berhubung dengan perkembangan tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Dalam bab ini penulis juga membincangkan tokoh-tokoh agama serta alim ‘ulamā’ di Malaysia yang beramal dengan ajaran tarīqah Ahmadīyyah ini. Seterusnya perbincangan dilanjutkan mengenai salasilah kumpulan-kumpulan tarīqah Ahmadīyyah yang ada di Malaysia dan Negeri Sembilan khususnya.

Dalam Bab Kedua, perbincangan ditumpukan kepada amalan-amalan asas dalam tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Penulis juga membawakan dalil-dalil keharusannya, cara-cara dan faedah amalan ini. Seterusnya, perbincangan ditumpukan

kepada beberapa aspek penting dalam kegiatan pendidikan yang dianjurkan ḥarīqah Ahmadīyyah. Ini termasuklah method dan konsep-konsep pendidikan yang ada dalam ḥarīqah Ahmadīyyah.

Di dalam Bab Ketiga pula penulis akan menumpukan kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah ini menerusi bidang sosio ekonomi. Fokus perbincangannya termasuklah dakwah *bi al-Hal*, konsep *ukhuwwah Islāmiyyah*, hubungan sosial di dalam ḥarīqah Ahmadīyyah seperti hubungan murid dengan guru dan murid dengan murid. Penulis juga menggariskan beberapa aspek penting tentang *adābiyyah* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Penulis juga membawa perbincangan kepada maksud yang lebih jelas berhubung dengan konsep *al-Sahbah* dan *al-Mujalasah* iaitu berdamping dan bersahabat dengan syaykh. Ini adalah konsep sosial yang ada dalam ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah. Seterusnya penulis membincangkan penglibatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah dalam bidang ekonomi. Penglibatan ini juga di lihat dari sudut pengurusan ekonomi dan kewangan.

Dalam bab seterusnya perbincangan ditumpukan kepada dua aspek utama dalam agama Islam iaitu *'aqidah* dan *syari'at*. Dalam bab ini, perbincangannya adalah mengenai penekanan guru-gurunya dan syaykh-syaykh yang memimpin ḥarīqah Ahmadīyyah tentang pentingnya kedua bidang ini.

Perbincangan dalam Bab Kelima pula, adalah mengenai masalah-masalah dan isu-isu penting yang berkaitan dengan kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Antara lain, masalah ini termasuklah yang ditimbulkan oleh ḥarīqah Ahmadīyyah itu sendiri dan persekitarannya seperti pandangan masyarakat setempat, keadaan sosial, politik dan sebagainya. Isu-isu agama yang muncul akibat daripada kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah juga di bentangkan oleh penulis. Bab ini diakhiri dengan membentangkan kesan-kesan kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah terhadap masyarakat Islam di Negeri Sembilan

Penulis akan mengakhiri disertasi dengan membuat beberapa kesimpulan yang dirumuskan serta saranan-saranan di dalam penutup disertasi ini. Antara lain penulis menegaskan bahawa kegiatan dakwah yang dijalankan oleh kumpulan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, memberi sumbangan besar dalam perkembangan dakwah Islāmiyyah serta masyarakat Islam.

THE SYNOPSIS

“**Kegiatan Dakwah Tarīqah Ahmad iyyah Di Negeri Sembilan**” seemed to discuss on the *dakwah* activities of tarīqah Ahmadīyyah specifically on Islamic teachings, socio-economic, education, principles rules (*‘aqidah*) and regulations as well (*syari’at*) as other related issues and problems occurrence since the day of the emergence of this activities.

The first chapter of the discussion begins with a brief information on the tarīqah sufiyyah activities in South East Asia, followed by the emergence of tarīqah Ahmadīyyah and its scholars in Malaysia. The discussion then went on the spreading of tarīqah Ahmadīyyah activities, which touch on the Malaysia’s Islamic scholars who practiced the teachings of tarīqah Ahmadīyyah. Apart from that, there is also discussion on the *salasilah* of tarīqah Ahmadīyyah groups in Malaysia as well as in Negeri Sembilan in particular.

In the Second Chapter of this discussion, it is based on the basic teachings of tarīqah Ahmadīyyah activities in Negeri Sembilan. Which is supported by the Quranic verses in dealing with its importance, practices and benefits. Then followed by the discussion on the most important part of the education activities organised by tarīqah Ahmadīyyah which include the method and concept of teachings in its activities.

Besides this, ḥarīqah Ahmadīyyah activities in terms of socio-economics are discussed in the Third Chapter. It focuses on the topic of the *Dakwah bi al-Hal*, the Islamic brotherhood concept, social relationships in ḥarīqah Ahmadīyyah as in the relationship of the *syaykh* and the *murīd* as well as the relationship among the *murīd* themselves. The writer has underlined several important aspects of the *adabīyyah* in ḥarīqah Ahmadīyyah in Negeri Sembilan. Then followed by detail explanation on the *al-Sahbah* concept and *al-Mujalasah* which refers to be closed and be friends with the *syaykh* and has been underlined as a social concept of the sufiyyah's ḥarīqahs. The writer also discussed on the ḥarīqah Ahmadīyyah activities in relation to economics, which also look deep from the economics and financial management angle.

The following chapter views on the two main aspects of Islam that is '*aqidah*' and '*syari'at*'. These two aspects are emphasized on their importance by the scholars and *syaykh* in teaching ḥarīqah Ahmadīyyah

On the Fifth Chapter, it discussed on the issues and problems of in relation to ḥarīqah Ahmadīyyah activities in Negeri Sembilan which include the internal problem of ḥarīqah Ahmadīyyah teachings and its surrounding in terms of social, politics and society's perception. Not forgotten the religious issues occurred since this activities started. This chapter ends with the implication of the ḥarīqah activities towards the Muslim society in Negeri Sembilan.

This dissertation has been concluded by its writer through summarizing the whole contents together with suggestions. Emphasized has been made on the activities of tarīqah Ahmadīyyah in Negeri Sembilan which will give great contribution towards the spreading of Islamic preaching that will also enhance the number of Muslim Ummah.

PENDAHULUAN

Tarīqah Ahmadīyyah adalah salah satu tarīqah yang di nisbahkan kepada Syaykh Ahmad bin Idrīs (w.1873 M). Amalan-amalannya adalah sepetimana yang terkandung dalam karyanya yang terkenal iaitu *al-Ahzab*. Ia muncul di awal abad ke 19 dan kemudiannya berkembang dengan pelbagai aliran-aliran seperti *al-Rāsyidiyyah*, *al-Dandarāwiyyah*, *al-Mirghāniyyah*, *al-Tijāniyyah*, *al-Ja'afariyyah*, *al-Samūsiyyah* sehingga dikatakan menjangkau jumlah pengikut yang paling ramai di Alam Islam. Di Malaysia tarīqah ini telah di perkenalkan oleh beberapa orang ‘ulamā’ yang kebanyakannya telah mendalami ilmu agama di Mekah dan Madinah. Tarīqah ini mempunyai hubungan atau salasilah yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. melalui Sayyidina ‘Alī k.w.j seperti mana salasilah yang ditunjukkan dalam perbincangan disertasi ini.

Sayyidi Ahmad bin Idrīs menurut kitabnya *Syarah Kumūz* menerima beberapa tarīqah yang lain. Di antaranya al-Khidhīriyyah al-Azīziyyah, diterima daripada Sayyidi ‘Abd. Wahāb al-Tāzi, tarīqah al-Shadhāliyyah diterima daripada Abi Qasim al-Wazīrī al-Ghāzi dan tarīqah al-Khalwātiyyah daripada *al-‘Arif bi-ILĀh* al-Sayykh Hassan Bek al-Qanā'i. Seterusnya beliau telah mengembangkan ajaran-ajaran dalam tarīqah Ahmadīyyah ini sehingga mempunyai ramai murid-muridnya terdiri daripada pelbagai bangsa.

Di Malaysia, ḥarīqah Ahmadīyyah ini diperkenalkan oleh Tuan Tabal atau ‘Abdul Ṣamad bin Muhammad Salleh al-Kelantāni yang di nisbahkan ketika itu dengan ḥarīqah al-Rāsyidiyyah. Kemudiannya diikuti oleh salah seorang murid dan *khālifah* kepada Ahmad bin Muhammad al-Dandarāwi iaitu Syaykh Muhammad Sa‘id bin Jamāluddin al-Linggi (w. 1926 M) Beliau adalah *khālifah* kepada gurunya yang ditugaskan mengembangkan ajaran-ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah di Asia Tenggara. Beliau memulakan kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah ini sekembalinya dari Mekah pada tahun 1900 M. Bermula daripada itulah maka ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah telah tersebar dengan meluasnya terutama di Negeri Sembilan.

Selain daripada Negeri Sembilan, Kelantan adalah juga antara negeri yang awal menerima kedatangan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah ini. Antara pusat kegiatannya ialah di Jalan Atas Banggol, Kota Baharu iaitu markas terawal yang dimulakan oleh Syaykh Muhammad Sa‘id bin Jamāluddin al-Linggi dan juga Bukit Abal, Pasir Putih. Kedua-dua pusat kegiatan ini telah berjaya mengembangkan ajaran-ajaran yang terkandung dalam ḥarīqah ini. Bagaimanapun kajian penulis dalam disertasi ini lebih menumpukan kepada kegiatan-kegiatan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan.

Kegiatan ini telah menjangkau pada usia yang hampir seratus tahun. Semestinya banyak perkara yang dapat diambil pengajaran dan juga kesan-kesan hasil dari kegiatan dakwah ini. Di Negeri Sembilan sendiri ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah adalah satu perkara yang dimaklumi oleh masyarakat Islam khususnya. Ini ditambah pula dengan peranan tokoh-tokoh pemimpinnya. Beberapa orang tokoh Ahmadīyyah adalah juga memegang jawatan tertinggi agama di Negeri Sembilan. Jawatan Mufti yang disandang oleh syaykh-syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan memberi kesan kepada perkembangan dakwah ḥarīqah ini. Bermula dari Syaykh Hj Ahmad bin Muhammad Sa‘id sehingga kehadiran pemimpin Ahmadīyyah sekarang iaitu Dato Hj Murtadha Hj Ahmad.

Dalam perkembangan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, penulis juga membincangkan pengaruh sebahagian besar dari pemimpin dan muridnya terutama di kalangan mereka yang berkebolehan dalam bidang agama. Kebanyakkannya adalah pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam sendiri dan tenaga-tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi. Selain dari itu adalah mereka yang datang dari luar bidang pengajian agama. Bagaimanapun, mereka telah diberikan kefahaman yang sesuai dalam mengamalkan ajaran-ajaran ḥarīqah ini.

Kajian ini juga membincangkan tentang beberapa karya-karya yang ditinggalkan oleh pemimpin-pemimpin ḥarīqah Ahmadiyyah seperti Syaykh Muhammad Sa'īd dan Syaykh Ahmad. Penulisan mereka ini akan di bahaskan oleh penulis sebagai sumber utama terutama dalam menyatakan ajaran-ajaran dalam ḥarīqah Ahmadiyyah. Didapati banyak penulisan mereka yang masih dalam keadaan asal dan juga ada beberapa risalah-risalah yang bercetak. Sebenarnya menjadi keutamaan kepada ḥarīqah Ahmadiyyah untuk menggali khazanah ilmu ini dan meneruskan usaha-usaha penulisan.

Penulis juga dalam kajian ini mendedahkan beberapa kegiatan ḥarīqah Ahmadiyyah ini yang dijalankan oleh syaykh dan *khālifah-khālifah* kanannya di seluruh Negeri Sembilan. Penulis juga mendapati ajaran ḥarīqah Ahmadiyyah melalui silsilah keluarga Syaykh Muhammad Sa'īd ini, tersebar juga di Melaka, Johor dan Singapura. Sebahagian pemimpin mereka juga menjalankan kegiatan seperti dhikir dan kuliah di tempat-tempat tersebut.

Beberapa masalah dalam perjalanan ḥarīqah Ahmadiyyah ini cuba dikenal pasti iaitu masalah kepimpinan. Ia adalah satu masalah yang juga dihadapi oleh ḥarīqah - ḥarīqah ṣufiyyah yang lain. Bagaimanapun masalah ini mestilah diselesaikan dengan cara yang paling bijaksana ibarat menarik rambut dalam tepung. Beberapa pihak mempertikaikan masalah hak kepimpinan. Apa yang diharapkan ialah masalah ini tidak menyebabkan mereka berpecah dan wujudnya puak-puak dalam ḥarīqah Ahmadiyyah

di Negeri Sembilan. Sejarah telah banyak membuktikan perpecahan umat Islam akibat dari masalah kepimpinan ini.

Penulis juga membincangkan tentang penekanan terhadap ilmu dan amalan kepada *ikhwān* ḥarīqah Ahmadiyyah. Penekanan disiplin ilmu haruslah ditekankan kepada pengamal-pengamal ḥarīqah, supaya adanya kesinambungan dalam amalan-amalan mereka. Peranan pusat-pusat *tarbiyyah* dalam ḥarīqah Ahmadiyyah juga dibincangkan peranannya sebagai satu tempat *ikhwān* mendapat asuhan dan *tarbiyyah* yang tersusun. Selain itu program-program *tarbiyyah* dan latihan kerohanian dalam ḥarīqah Ahmadiyyah juga di bincangkan seperti ‘uzlah dan khawat. Kepentingan *tarbiyyah* khusunya *tarbiyyah* dalam sudut ilmu dan juga amalan ini adalah penting kerana inilah perkara yang selalu menjadi tajuk perbincangan golongan *sūfiyyah* serta *fuqahā’*. Maka menjadi satu keperluan tentang disiplin *tarbiyyah* dan amalan dalam ḥarīqah untuk difahami oleh pengamalnya

Penulis dalam menyiapkan penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan, rujukan kepada sumber-sumber penulisan terdahulu dan analisa penulis berdasarkan kepada pengumpulan data-data dan maklumat sepanjang hampir satu abad sejak kemunculan ḥarīqah Ahmadiyyah ini di Malaysia, khususnya di Negeri Sembilan. Selain dari kajian lapangan, pergaulan dan perhubungan penulis dengan tokoh-tokoh dan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadiyyah serta pengamalan penulis dalam ilmu ḥarīqah sendiri

dapat membantu memberikan maklumat yang berguna dalam menyempurnakan penulisan disertasi ini.

Apa yang diharapkan oleh penulis, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas lagi tentang kegiatan-kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah khususnya di Negeri Sembilan dan Malaysia amnya. Kebimbangan dan kekeliruan masyarakat dengan ajaran-ajaran-ajaran dalam ḥarīqah Ahmadīyyah, dapat dijelaskan dengan butiran-butiran perbincangan yang dibentangkan oleh penulis dalam disertasi ini. Selain itu penulis berharap kajian ini akan memberi sedikit kefahaman kepada pengikut ḥarīqah Ahmadīyyah sendiri tentang amalan ḥarīqah yang diamalkan. Mudah-mudahan sedikit sebanyak penulisan ini dapat dijadikan sebagai panduan supaya tidak terkeluar daripada garisan dan ajaran- ḥarīqah Ahmadīyyah ini.

Sekian, Amin, **Wa bi-iLah al-taufiq wa al-hidayat Wa al-hamdu Li-LLahi Rab al-‘Alamin.**

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

15 Jun 1999

Md. Yusof Abd Hamid